

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26 / 08 / 2007

# Pasukan Formula Future wira negara – PM



um - 26/8/2007  
KUALA LUMPUR 25 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu, anggota Pasukan Formula Future Malaysia yang menjuarai Kejohanan Formula Future Dunia di Leer, Jerman baru-baru ini merupakan wira-wira negara.

Perdana Menteri berkata, pada usia yang masih muda anggota pasukan itu telah berjaya membuktikan keupayaan untuk menjadi juara dunia.

"Ini satu kebanggaan negara, bagaimana anak-anak kita telah membuktikan ia mampu untuk mencapai sesuatu yang luar biasa.

"Perkara ini tidak berlaku semasa zaman saya, dan rakyat Malaysia harus bangga dengan kejayaan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika bertemu dengan 10 anggota pasukan tersebut di Istana Budaya di sini malam ini.

Malaysia berjaya merampas semula gelaran juara dunia dari Itali pada kejohanan itu yang

**ABDULLAH Ahmad Badawi memeluk Syazwan Mohd. Noor, anggota pasukan Formula Future Dunia 2007 Kelas 2 ketika bertemu pasukan tersebut di Istana Budaya, Kuala Lumpur, malam tadi.**

merupakan ketiga buat negara selepas menungguli tahun pada tahun 2004 dan 2005.

Pasukan negara menewaskan enam negara Eropah lain yang bertanding pada kejohanan itu menerusi kutipan dua pingat emas, tiga perak dan satu gangsa untuk menjadi juara keseluruhan.

Pasukan itu diwakili oleh Syazwan Mohd. Noor, 11, dan Khairuddin Abdul Khalil, 9 berjaya mendapat pingat emas; Tengku Hanisah Nur Atirah Tengku Mohammad Zainal Abidin Petra (kelas 1), Muhammad Faqih Noor Hamzah (kelas 4) dan Syed Abdul Razique Syed Abdul Hamid (kelas 5) mendapat perak manakala Muhamad Azri Yahya mendapat pingat gangsa.

Dua peserta lagi ialah Tengku Hanisah berusia 9 tahun, Muhammad Faqih, 15, manakala Syed Abdul Razique, 18.

Perdana Menteri menambah, rakyat Malaysia tidak mengira muda dan tua perlu mencontohi semangat pasukan itu untuk mencapai kecemerlangan.

"Apa yang saya harapkan ialah pasukan ini akan terus menjadi jaguh dunia dan tidak harus berhenti setakat ini sahaja sebaliknya harus diteruskan pada tahun-tahun akan datang," katanya.